

IKAN SIAKAP HARGA KAYANGAN: PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG- UNDANG DI MALAYSIA

Oleh:

Dr. Nursafra Mohd Zhaffar (nursafra@uitm.edu.my) &
Dr. Anie Farahida Omar (aniefarahida@uitm.edu.my)



Pada November 2021, telah tular apabila seorang pelanggan di sebuah restoran terapung terkenal di Langkawi perlu membayar sebanyak RM1,196.80 bagi hidangan seekor ikan siakap seberat 7.48 kilogram. Isu ini mengundang pelbagai reaksi rakyat Malaysia, ada yang menyokong pihak peniaga dan ada yang menyebelahi pihak pembeli.

Persoalannya, bolehkah peniaga mengenakan caj harga yang melampau dan mengaut keuntungan yang berlebihan? Adakah terdapat unsur penganiayaan dalam kes ini? Apakah solusinya? Artikel ini akan mengupas isu-isu tersebut dari perspektif syariah dan dari sudut undang-undang Malaysia.

Asas Jual Beli Dalam Islam

Islam meraikan keperluan manusia untuk melakukan kegiatan ekonomi bagi meneruskan kelangsungan hidup. Hukum jual beli dalam Islam adalah diharuskan berdasarkan firman Allah dalam **Surah al-Baqarah ayat 275**:

“

*Padahal Allah telah
menghalalkan berjual beli
(berniaga) dan mengharamkan
riba*

”

Namun demikian, terdapat hukum-hakam tertentu yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan penjual dan pembeli. Syarat utama jual beli dalam Islam adalah perlu wujud sifat reda-meredai dalam berurusan. Konsep reda ini perlu dicapai pada akhir urusan jual beli. Dalam kes yang tular tersebut, muncul aduan dan isu tidak puas hati daripada pembeli. Hal ini bermakna, penelitian terhadap proses jual beli tersebut perlu diperhalusi sama ada mengandungi elemen *gharar* (penipuan) atau ketidakjelasan.

Rukun Jual Beli

Dari segi Fekah Muamalat, selagi mana sesuatu urusan jual beli itu menepati 4 rukun ini, maka ia dikira sebagai jual beli yang sah.

1. Penjual dan Pembeli

Kedua-dua pihak penjual dan pembeli, mestilah waras, baligh, berakal dan boleh menguruskan harta dengan baik. Golongan kanak-kanak, orang bodoh dan orang gila boleh melakukan urusan jual beli dengan keizinan wali atau penjaga mereka

2. Ijab qabul

Lafaz ijab merupakan penyerahan hak milik daripada penjual seperti lafaz, "Saya jual ikan ini kepada kamu dengan harga..". Manakala lafaz qabul seperti, "Saya setuju atau saya beli."

3. Barang yang dijual (beserta harga)

Barangan – tersebut perlulah bernilai atau bermanfaat dari segi syarak, boleh diserahkan ketika akad, nilai harganya diketahui dan pembeli mestilah berkuasa ke atas barangan yang ingin dijual.

Adakah Harga Melampau Itu Riba?

Lazimnya, harga ditetapkan oleh penjual. Penetapan harga ini bukan sahaja bergantung kepada produk jualan, namun meliputi kos perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam kes viral ini, harga ikan siakap tersebut meliputi kos ikan siakap mentah, upah memasak, kos pelayan, persekitaran atau sewaan kedai, faktor lokasi pelancongan dan seumpamanya.

Maka, penjual berhak menetapkan atau mencadangkan harga dengan mengambilkira kos-kos terlibat. Manakala, pembeli pula boleh bersetuju atau tidak dengan tawaran harga tersebut. Tawar-menawar boleh berlaku sehingga mencapai konsep reda yang menjadi matlamat dalam urusan jual beli.

Namun, sekiranya keuntungan hasil jualan adalah sekali ganda daripada kos jualan, adakah itu dianggap riba? Menurut kenyataan **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2018)**, perkara ini tidaklah termasuk dalam urusan riba kerana tiada had khusus bagi penetapan keuntungan dalam Islam.

Hal ini berlandaskan peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW di mana Baginda SAW pernah memberikan 1 dinar kepada sahabat bernama 'Urwah Ibn al-Ja'd al-Bariqi RA untuk membeli seekor kambing. 'Urwah berjaya membeli 2 ekor kambing dengan duit tersebut, kemudian menjual salah satunya dengan 1 dinar. Maka, keuntungan yang diperoleh adalah 100%. Apabila diserahkan, baginda gembira malah mendoakan keberkatan ke atas 'Urwah (**Al-Bukhari, 1988: No. hadis 3642**).

Sebahagian ulama' mengehadkan 1/3 harga barang sebagai kadar keuntungan yang boleh diambil, jika lebih maka dibolehkan *khiyar* atau membatalkan jual beli tersebut. Namun, ini bukanlah pendapat mazhab as-Syafie' dan ini dipanggil sebagai had ihsan.

Perkara yang ditekankan dalam ekonomi Islam ialah sama ada sumber jualan tersebut daripada yang halal serta dari sudut tatacara jual beli iaitu tidak boleh mengandungi unsur penipuan, menganiaya orang lain dan harga terlampau tinggi bagi barang keperluan.





Bagaimana Jika Kenaikan Harga Barang Melibatkan Barang Asasi?

Terdapat larangan dalam Islam jika berlaku monopoli barangan keperluan awam oleh pihak penjual. Contohnya, penjual menyimpan atau menyorokkan barangan tersebut sehingga berkurangan di pasaran, dengan tujuan untuk menjualnya kemudian dengan harga yang lebih tinggi. Antara barangan keperluan awam ini ialah beras, gula, minyak, pelitup muka dan sebagainya. Kebanyakan barang ini telah disenaraikan sebagai barang dengan harga kawalan oleh pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, dalam kes ikan siakap ini, ternyata hidangan tersebut tidak termasuk dalam barangan keperluan awam.

Analisa

Penulis berpendapat berdasarkan maklumat yang terhad berkenaan kes ikan siakap ini, kemungkinan jual beli tersebut mengandungi elemen *gharar* iaitu ketidaktentuan dari segi harga. Komunikasi yang kurang berkesan antara penjual dan pembeli membuka ruang berlakunya salah faham yang boleh menggugat konsep reda di akhir proses jual beli tersebut. Memandangkan hidangan ikan siakap bukanlah tergolong sebagai barang keperluan awam, maka adalah tidak salah kepada penjual untuk menetapkan harga lebih tinggi dengan mengambilkira kos-kos perkhidmatan yang lain.

Namun demikian, pihak penjual perlu lebih telus memaklumkan secara jelas jumlah harga hidangan tersebut setelah ditimbang dengan pasti kepada pembeli agar elemen *gharar* dapat dihapuskan da-

lam urusan jual beli. Begitu juga di pihak pembeli perlu berhati-hati menyemak harga dan permintaan agar selari dengan kemampuan poket sendiri.

Jika rukun jual beli yang dibincangkan di atas dipatuhi dengan memastikan tiada unsur penipuan dan penganiayaan, maka tidak mungkin isu tersebut menjadi tular sehingga memerlukan pihak berkuasa campur tangan.

Kesalahan Mencatut Di Bawah Undang-Undang Malaysia

Di Malaysia pula, terdapat pelbagai undang-undang yang mengawal selia harga barang contohnya, **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**, **Akta Timbang dan Sukat 1972** dan **Akta Kawalan Bekalan 1961**. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran bebas, setiap peniaga bebas menentukan harga berdasarkan permintaan barang dan penawaran. Namun, penentuan harga hendaklah merujuk kepada 3 faktor iaitu kos bahan mentah, kos berubah dan keuntungan.

Sekiranya peniaga didapati menjual apa-apa barangan dengan harga yang melampau, mereka boleh didakwa di bawah **Seksyen 53(A) AKHAP 2011** atas kesalahan mencatut; yang membawa maksud "membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah". Jika sabit kesalahan, peniaga tersebut boleh dikenakan denda RM100 ribu bagi kesalahan pertama, dan RM250 ribu bagi kesalahan kedua dan seterusnya.



Bagi mengelakkan pembeli tertipu, di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993, AKHAP 2011** telah menetapkan setiap barang yang dipamerkan untuk tujuan jualan hendaklah diletakkan tanda harga bagi setiap 1 unit, 1 unit timbangan atau bagi setiap sukatan barangan tersebut.

Berbalik kepada kes siakap harga kayangan, peniaga tersebut akhirnya telah didakwa mengikut **Seksyen 53(A) AKHAP 2011**, namun bukanlah di atas kesalahan mencatat, sebaliknya kerana gagal menyenggelara dan menyimpan rekod perniagaan dengan wajar. Hal ini kerana, mereka tidak berjaya memberi maklumat terperinci berhubung kos operasi perniagaan.

Kesimpulan

Tidak kira dari perspektif syariah mahupun undang-undang Malaysia, setiap peniaga perlu sentiasa mengemaskini rekod perniagaan bagi melindungi hak-hak pembeli dan peniaga itu sendiri.

Rujukan

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail. (1988). Terjemah Hadits Shahih Bukhari. Jilid I, II, III & IV. Selangor: Klang Book Centre.

Noradilah A.W, Wan Mohd K.F.W.K & Mohd Sani I. (2019). Fiqh Muamalat Islam: Hukum Dalam Sistem Jual Beli Atas Talian (E-Dagang) Dari Sudut Pandangan Fuqaha [Islamic Muamalat Of Fiqh: Legal System In Selling Online (E-Commerce) From The Fuqaha Islamic View]. International Social Science and Humanities Journal, 2(1): 24-35.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). Al-Kafi #306: Hukum Menjual Barang Modal dengan Harga yang Lebih Tinggi. Diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1189-al-kafi-306-hukum-menjual-barang-modal-dengan-harga-yang-lebih-tinggi>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). Al-Kafi #964: Untung Berlipat Ganda: Adakah Itu Riba? Diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2887-al-kafi-964-untung-berlipat-ganda-adakah-itu-riba>

